

BAB I

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Bahasa adalah satu alat komunikasi penting yang memainkan peranan besar dalam kehidupan manusia. Bahasa juga merupakan alat untuk menyampaikan buah fikiran, idea, konsep, meluahkan perasaan, menjalinkan interaksi sosial, menjalankan transaksi dan saling mempengaruhi serta mendominasi antara satu sama lain. Menurut Adler dan Rodman (1997), semua bahasa mengandungi ciri-ciri yang boleh digabungkan dalam pelbagai cara bagi mendapatkan makna. Beliau berpendapat lelaki mempunyai strategi-strategi untuk menonjolkan kuasanya melalui bahasa yang mereka gunakan dalam berinteraksi. Contohnya dalam satu kumpulan, lelaki merasakan bahawa mereka harus mempunyai kuasa ke atas orang lain dan ini membolehkannya menguasai kelakuan orang lain. Dengan kata lain, lelaki lebih cenderung pada persaingan dan melakukan pengekangan ke atas orang lain.

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa buku komik adalah penyebab utama kepada masalah remaja, penagihan dadah, jenayah dan kecenderungan kepada perbuatan rusuhan. Ini berdasarkan pembacaan buku komik yang berunsurkan peperangan (Ujiie, 2005; Wertham, 1954). Walaubagaimanapun, kajian juga telah membuktikan bahawa buku komik telah menggalakkan peningkatan celik huruf dan mendorong minat membaca di kalangan masyarakat (Ujiie, 2005).

Seterusnya, bahasa lelaki adalah berbeza daripada bahasa wanita. Menurut Nik Safiah Karim (1992), lelaki banyak menggunakan bahasa yang tidak standard dan tidak sopan. Sementara itu Holmes (2001) menyatakan lelaki tidak banyak menggunakan soalan tag sebagaimana yang berlaku pada wanita. Lakoff (1975) pula menyatakan bahawa lelaki tidak banyak menggunakan pengistilahan warna seperti *beige*, *aquamarine*, *lavender*, dan *lime* kerana istilah ini dianggap sebagai satu perkara yang dianggap remeh oleh lelaki.

Menurut Hay (1995), lelaki menggunakan bahasa yang tidak standard dan tidak sopan kerana mereka tidak memerlukan pengiktirafan status sosial dalam sebuah komuniti, manakala wanita pula menggunakan bahasa standard kerana mereka memerlukan pengiktirafan dirinya sebagai orang yang mempunyai status sosial yang tinggi daripada yang tidak menggunakan bahasa standard. Bagi lelaki, sama ada mereka menggunakan bahasa standard ataupun tidak, tidak sama sekali mempengaruhi status sosial mereka.

Lakoff (1975) menyatakan bahawa wanita banyak menggunakan *tag questions*, ciri-ciri kesopanan, *intensifier* (*so tired*), *hedges* (*well, like*) dan tidak pandai melawak. Holmes (2001) pula mendapati beberapa masyarakat lelaki dan wanita di Yana, Amerika Utara dan di Chiquita, Amerika Selatan serta di Jepun menggunakan bahasa yang berbeza antara lelaki dan wanita semasa mereka berkomunikasi. Ini kerana kaum lelaki dan wanita mempunyai identiti bahasa mereka sendiri semasa berbual sesama mereka. Sebaliknya kaum wanita harus menggunakan bahasa yang berbeza semasa berkomunikasi dengan kaum lelaki bagi menunjukkan status yang tinggi kepada kaum lelaki.

Frail (2004) menyatakan bahawa berdasarkan latar belakang lelaki dan wanita, kita boleh mengagak kecenderungan bahan bacaan bagi mereka. Lelaki dikatakan sebagai suka membaca bahan-bahan berunsur buku-buku komik manakala wanita lebih suka membaca bahan-bahan bacaan bukan buku-buku komik. Mungkin ini ada kaitan dengan sikap lelaki yang tidak suka menggunakan bahasa standard dan mereka lebih terdorong membaca bahan bacaan yang tidak menggunakan bahasa standard seperti buku-buku komik.

1.1 Pernyataan Masalah

Humor didapati sangat penting dalam kehidupan manusia. Malah ada kajian mengatakan humor mampu memberi kesihatan yang lebih baik kepada seseorang. Kajian tentang kepentingan humor adalah banyak. Bagaimanapun di Malaysia rujukan kajian tentang kepentingan humor adalah sukar diperolehi. Berdasarkan teori Kepelbagaian Kecerdasan Gardner (1983), pengkaji Ahmad Khair Mohd Nor dan Jaafar Rahim (2006) memberi gambaran bahawa humor boleh menghasilkan kepelbagaian kecerdasan. Gardner menyatakan bahawa manusia mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan dan bukannya satu kecerdasan umum iaitu kecerdasan bahasa, kecerdasan logik matematik, kecerdasan muzikal, kecerdasan *visual-spatial*, kecerdasan kinestetik, kecerdasan semula jadi, dan kecerdasan intraperibadi. Semua kecerdasan ini berkembang secara berbeza dalam setiap individu. Melalui penerapan humor, manusia dapat mempergunakan kecerdasan tersebut. Hal ini demikian kerana untuk menghasilkan humor seseorang perlu berkebolehan untuk bermain dengan bahasa agar bahasa yang digunakan boleh menyebabkan orang lain berasa ingin ketawa.

Terdapat kajian barat yang mendapati kanak-kanak lelaki lebih banyak membaca buku komik berbanding dengan kanak-kanak perempuan. Misalnya, walaupun Frail (2004) mendapati buku komik adalah medium bacaan penting bagi kanak-kanak lelaki, tetapi hasil kajian beliau menunjukkan bahawa peranan kaum wanita adalah penting untuk menggalakkan kanak-kanak perempuan membaca buku komik. Keadaan ini sebenarnya sama di Malaysia. Walaupun tiada kajian khusus tentang bacaan buku komik tetapi dari pemerhatian di kedai-kedai buku didapati kanak-kanak lelaki memang terdorong membeli dan membaca buku komik berbanding dengan kanak-kanak perempuan.

Kajian ini ingin melihat golongan pembaca buku komik yang melibatkan ramai kanak-kanak lelaki sama ada perbuatan mereka memberi kesan yang baik kepada mereka seperti bertambahnya kemahiran berbahasa dan seterusnya memberikan dorongan kepada mereka untuk menerapkan nilai-nilai positif dalam kehidupan sosial mereka. Kajian juga ingin melihat ciri-ciri buku komik yang digemari oleh kanak-kanak seperti buku komik Doraemon.

Pengkaji memilih bentuk buku komik humor kerana banyak kajian-kajian yang mengaitkan humor dengan perkara positif seperti merapatkan pesakit dengan doktor atau merapatkan guru dengan murid-murid. Malah ada kajian yang menjadikan murid-murid lebih cenderung untuk belajar di dalam kelas. Kajian Jaafar Abdul Rahim (2006) pula mendapati filem Allahyarham Tan Sri Dr. P. Ramlee mudah menjadikan penonton ketawa dan menerima mesejnya kerana beliau banyak menggunakan bahasa-bahasa ringkas dan mudah. Tambahan pula, humor yang ditampilkan kebanyakannya berkisar pada kehidupan masyarakat.

Berdasarkan pada pernyataan yang disebutkan tadi, kita perlu memikirkan adakah dengan membaca buku komik akan menjadikan seseorang kanak-kanak itu cenderung untuk membaca buku-buku lain atau buku bersifat akademik? Oleh itu, dalam kajian ini akan dapat menentukan sama ada kita harus menggalakkan seseorang kanak-kanak untuk membaca buku komik humor sekiranya ia memberi kesan yang baik. Untuk itu, satu kajian harus dijalankan bagi menentukan keberkesanan bacaan buku komik terhadap penguasaan bahasa atau ia akan menimbulkan kecenderungan kepada minat membaca buku dan seterusnya menambahkan kemahiran membaca kepada kanak-kanak.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini secara amnya mengkaji pembacaan kanak-kanak terhadap buku komik humor Doraemon. Kajian ini akan memberi fokus kepada;

- 1) Menenal pasti gaya bahasa yang terdapat dalam buku komik humor yang digemari oleh kanak-kanak.
- 2) Menenal pasti perlakuan sosial kanak-kanak lelaki dalam buku komik humor yang dapat dipelajari.
- 3) Memahami kecenderungan kanak-kanak lelaki berminat membaca buku komik humor.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang apakah ciri-ciri yang ada dalam buku komik yang diminati oleh kanak-kanak lelaki. Seterusnya mengkaji peranan bahasa dalam buku komik sehingga menarik minat kanak-kanak

lelaki untuk membacanya dan melihat sejauh mana minat membaca buku komik dapat dipupuk kepada kanak-kanak ini agar mereka berminat pula membaca bahan bacaan lain yang berbentuk akademik.

1.3 Soalan Penyelidikan

Untuk mencapai objektif yang dikenal pasti, tiga persoalan berkaitan akan diselidiki dalam kajian ini.

- a) Apakah ciri-ciri stail linguistik yang terdapat dalam buku komik humor yang berjaya menarik minat kanak-kanak lelaki?
- b) Apakah kelakuan sosial yang dipaparkan oleh watak dalam buku komik humor yang dapat dipelajari oleh kanak-kanak lelaki?
- c) Mengapa kanak-kanak lelaki berminat membaca buku komik humor?

1.4 Batasan Kajian

Batasan kajian ialah menggunakan enam buah buku komik Doraemon yang bermula dari siri 40 hingga 45. Buku ini dipilih kerana merupakan buku terlaris yang dikeluarkan oleh syarikat Penerbit Tora Aman Sdn. Bhd. Sementara buku siri 45 adalah buku terakhir (terkini) siri Doraemon. Bahan bacaan Doraemon yang berbahasa Melayu ini pula dipilih kerana hasil pemerhatian pengkaji di kebanyakan tempat yang mempunyai jumlah majoritinya dalam kalangan penduduk Melayu, kanak-kanak lelaki lebih selesa membaca bahan bacaan buku komik dalam bahasa Melayu.

Kajian dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif terhadap enam buah buku komik Doraemon yang bermula dari siri 40 hingga 45.

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan Frail (2004), buku komik menjadi bacaan penting kepada para pembaca sama ada lelaki mahupun wanita. Beliau mendapati lelaki lebih banyak membaca buku komik berbanding dengan wanita. Malah beliau turut mendapati buku komik yang mempunyai watak wanita sebagai *hero* atau *superhero*in tetap dibaca oleh kebanyakan lelaki berbanding wanita.

Dalam kajian Frail (2004), walaupun masyarakat menganggap kanak-kanak lelaki suka bermain daripada membaca bahan bacaan, tetapi sebenarnya lelaki turut suka membaca namun bahan bacaan yang diminati ialah buku komik humor. Bagaimanapun pandangan masyarakat terhadap buku komik adalah bacaan yang tidak serius berbanding bacaan bersifat akademik. Oleh itu masyarakat lebih terdorong untuk menggalakkan kanak-kanak membaca buku yang mempunyai kepentingan dalam peperiksaan. Menurut beliau juga, buku komik menjadi bahan bacaan yang penting kepada lelaki dan wanita. Bagaimanapun, beliau mendapati majoriti pembaca komik adalah lelaki berbanding dengan wanita. Komik yang dibaca oleh kebanyakan lelaki ini bukan sahaja cerita yang berkaitan watak lelaki sebagai *superhero* tetapi juga tentang wanita yang menjadi *superhero*in.

Kepentingan kajian ini juga bagi melihat faedah-faedah yang boleh diperoleh kanak-kanak lelaki yang mempunyai minat yang mendalam dalam pembacaan buku-buku

komik humor. Seterusnya kepentingan kajian ini supaya ianya dapat menambahkan kajian-kajian tempatan tentang kajian yang seumpamanya dan seterusnya ia dapat menyumbang kepada negara bagi mewujudkan masyarakat berilmu dengan adanya minat membaca.

1.6 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, berikut adalah beberapa istilah penting yang harus diberi definisi secara lebih mendalam dan ia hendaklah merujuk khusus terhadap penggunaannya dalam kajian ini.

1.6.1 Gender

Menurut Holmes (2001), gender merujuk kepada ciri-ciri sosial yang dijangka pada seseorang sama ada lelaki ataupun perempuan. Misalnya lelaki dianggap lebih kuat dan agresif berbanding dengan wanita. Lelaki juga dikatakan sebagai cepat marah berbanding wanita. Selain itu, lelaki juga dikatakan sebagai seorang yang suka berlawak berbanding wanita yang lebih suka berdiam diri. Bagi wanita pula mereka dianggap sebagai kuat berleter dan mempunyai emosi yang tidak stabil. Wanita juga dikatakan sebagai seorang yang penyabar dan bersopan.

1.6.2 Humor

Berdasarkan kajian Hay (1995), humor merupakan sesuatu yang dianggap kelakar dan mampu membuatkan seseorang ketawa. Humor ini banyak dikaitkan dengan lelaki kerana lelaki dikatakan sebagai orang yang suka membuat humor. Ada pelbagai jenis humor iaitu humor yang bersifat lucu, mempersendakan seseorang atau mempunyai

unsur khayalan. Kebanyakan humor menggunakan unsur kelucahan dan menyindir seseorang. Kaitan unsur humor ini akan dapat menentukan apakah kecenderungan yang digunakan dalam komik Doraemon untuk menarik minat kanak-kanak membaca komik tersebut.

Tesis ini dibahagikan kepada lima bahagian : Bab 2 melihat kepada kajian-kajian terdahulu yang mempunyai hubung kait dengan kajian humor dan komik, humor dan gender, serta peranan gender dan stereotaip. Bab 3 pula akan membincangkan kaedah kajian ini dijalankan, instrumen yang digunakan serta prosedur dalam pengumpulan data. Manakala Bab 4 akan membentangkan analisis serta dapatan daripada kajian yang dijalankan dan akhirnya Bab 5 akan merumus dan membuat kesimpulan bagi keseluruhan tesis ini.